

**TEKS UCAPAN ALUAN
DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA KONVESYEN MAHASISWA ANTI RASUAH
(KOMAWAR)
PADA 24 SEPTEMBER 2018
DI DEWAN ILMU, KAMPUS ALAM UniMAP PAUH PUTRA.**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikumwarahmatullahiwabarakatuh, Salam Sejahtera,

Salam Ilmu, Keikhlasan, KecemerlanganUniMAP

SALUTASI

Yang Berhormat Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, Menteri Belia dan Sukan,

Yang Berbahagia Dato' Shamshun Baharin Mohd Jamil, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia,

Yang Berbahagia Timbalan-timbalan Naib Canselor UniMAP,
Dekan, Ketua Jabatan,

Pegawai-pegawai SPRM,

Wakil media, siswa-siswi,

Seterusnya hadirin hadirat yang dihormati sekalian.

KATA ALU-ALUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah AzzaWajjalla kerana mengizinkan kita berkumpul di majlis pagi ini.
2. UniMAP mengalu-alukan kehadiran YB Syed Saddiq. Kami berasa bertuah kerana menteri muda lagi berkaliber sudi hadir ke sini buat julung kalinya. Jazakallah YB kerana memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada konvesyen ini, yang pastinya akan melahirkan generasi yang berkualiti dan berintegriti.
3. Tidak dilupakan setinggi-tinggi penghargaan buat jawatankuasa terlibat yang bertungkus lumus memastikan kelancaran program sepanjang konvensyen dua-hari ini.

Hadirin hadirat sekalian,

KONVESYEN MAHASISWA ANTI RASUAH (KOMAWAR)

4. Konvensyen ini merupakan kesinambungan program KOMAWAR pada tahun 2017 yang telah dilaksanakan di tiga buah lokasi di Malaysia dengan hasrat menzahirkan aspirasi pemimpin sebagai suara kebebasan yang mahukan Negara bebas rasuah.
5. Antara objektif konvesyen ini adalah untuk membentuk nilai pemimpin mahasiswa membenci rasuah bersama masyarakat di Malaysia. Apalah erti ilmu yang tinggi tanpa akhlak yang terpuji di kalangan generasi muda masa kini. Benarlah kata Sheikh Yusuf Al-Qardawi, “Jika hendak melihat wajah Negara pada masa hadapan, lihatlah generasi mudanya pada hari ini”.

6. Justeru, usaha memupuk perasaan anti rasuah haruslah bermula dari awal, khususnya di peringkat sekolah dan universiti. Maka kerana itulah, KOMAWAR dengan tema “Satu Suara Memerangi Rasuah” berlangsung mulai semalam membawa harapan agar pelapis pemimpin Negara mempunyai nilai pemimpin berintegriti di masa hadapan.

Hadirin hadirat sekalian,

7. Konvensyen ini juga adalah bagi menunjukkan sokongan pemimpin mahasiswa kepada usaha pencegahan rasuah oleh SPRM. Sebagaimana kita tahu, mahasiswa merupakan satu kelompok yang senang didekati menerusi penganjuran program sebegini.

IKRAR BEBAS RASUAH

8. Untuk makluman YB Menteri, UniMAP telah mengadakan Majlis Ikrar Bebas Rasuah peringkat university tahun lalu, di mana ia turut disaksikan YBhg Datuk Shamshun sendiri.

9. Ini antara usaha Universiti ini memerangi jenayah rasuah. InsyaaAllah, UniMAP tidak akan teragak-agak melaporkan sebarang salah laku sekiranya ia berlaku. Ini kerana kita percaya kekuatan sesebuah Negara bermula dengan kejujuran warganya. Tanpa rasuah, pembangunan Negara boleh dilaksanakan dengan lebih laju lagi berkesan. Itulah hasrat yang diidamkan.

Hadirin hadirat yang dikasihi sekalian,

PENUTUP

10. Saya tidak bercadang untuk berucap lebih panjang lagi kerana pastinya setiap peserta konvesyen dan tetamu tidak sabar mendengar hujahan demi hujahan yang bakal disampaikan Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan sebentar lagi.
11. Oleh itu, saya akhiri dengan ucapan terima kasih kepada semua atas sokongan dan komitmen menjayakan KOMAWAR 2018.

Sekian, WabillahiTaufikWalhidayah,
WassalamualaikumWarahmatullahiWabarakatuh.